

## Usaha Selamatkan Masjid Al-Aqsa Tanggungjawab Umat Islam



Oleh: Siti Khadijah Abu Bashar

*Universiti Sains Islam Malaysia*

*Diterbitkan pada 6 Jun 2021*

Apa yang paling ditakutkan ketika ini adalah kerosakan yang dilakukan oleh rejim Zionis Israel terhadap Masjid al-Aqsa.

Langkah pertama yang dilakukan oleh Israel adalah menghalau rakyat Palestin dan memusnahkan apa sahaja di bumi Palestin termasuk rumah ibadat.

Dengan cara tersebut, Israel boleh menolak resolusi masyarakat antarabangsa dengan mendakwa kononnya negara yang mereka cerobohi tidak berpenghuni.

Sekarang mereka sedang giat mengorek dan menggali di bawah tapak Masjid al-Aqsa yang kedudukannya di atas bukit.

Mereka giat menjalankan kerja ekskavasi di bawah Masjid al-Aqsa untuk mencari bukti kewujudan Haikal Sulaiman, iaitu rumah ibadat pertama orang Yahudi yang kononnya dibina 960 sebelum Masihi.

Namun sehingga kini, mereka tidak menemukan apa-apa yang signifikan walaupun seketul batu! Kerja ekskavasi yang dilakukan boleh menyebabkan Masjid al-Aqsa runtuh.



Gambar hiasan

Isu Masjid al-Aqsa merupakan isu setiap umat Islam di seluruh dunia. Ini kerana isu Masjid al-Aqsa terkandung dalam Al-Quran, maka ia menjadi satu perjuangan akidah.

Presiden Pertubuhan Islam Palestin 48, Syeikh Raid Solah berkata, Masjid al-Aqsa adalah isu setiap umat Islam di dunia. Ia adalah tanggungjawab setiap umat Islam dan bukan isu rakyat Palestin semata-mata.

Beliau turut menegaskan bahawa umat Islam seluruh dunia perlu bersama-sama mempertahankan Masjid al-Aqsa daripada dirampas oleh Israel.

Ulama terkemuka, Dr Yusuf al-Qardhawi berkata, sesungguhnya Masjid al-Aqsa dan Al-Quds berkait rapat dengan Islam.

Surah al-Isra' ayat 1 merupakan penyejuk hati saudara kita di Palestin yang sedang diuji oleh Allah SWT. Ayat ini menyebabkan mereka tidak rasa bersendirian, kerana ia adalah perjuangan yang bersusur galur daripada kedatangan Nabi SAW.

Kiblat pertama seluruh orang beriman iaitu Masjid al-Aqsa dibangunkan sebagai sebuah bangunan oleh Nabi Sulaiman pada tahun 950 sebelum Masihi.



### Gambar hiasan

Ketika Nabi Muhammad SAW menerima syariat berhubung kewajiban menunaikan solat ketika peristiwa Israk dan Mikraj, kiblat pertama umat Islam adalah Masjid al-Aqsa.

Selama 18 bulan, umat Islam solat menghadap ke arah Masjid al-Aqsa sebelum Allah SWT memerintahkan agar kiblat diubah ke arah Kaabah.

Orang Yahudi masih menganggap Masjid al-Aqsa sebagai kiblat untuk sembahyang mereka. Maka, sehingga sekarang, mereka bersembahyang menghadap ke arah Masjid al-Aqsa. Tembok Ratapan tempat mereka bersembahyang sebenarnya adalah dinding bahagian barat Masjid al-Aqsa.



Gambar hiasan.

Di samping itu, Masjid al-Aqsa adalah tanah wakaf orang mukmin sejak zaman Nabi Ibrahim a.s. lagi, kira-kira 1800 tahun sebelum Masihi.

Ia telah diserahkan kepada umat Islam pada tahun 637 Masihi. Saidina Umar r.a. sendiri yang datang untuk mengambil kunci Masjid al-Aqsa sebagai tanda pemindahan amanah wakaf kepada umat Islam.

Dalam apa jua keadaan sekalipun, umat Islam sama sekali tidak akan menyerahkan Masjid al-Aqsa kepada orang kafir. Masjid berkenaan juga bukan milik orang Arab atau orang Turki tetapi milik semua orang beriman termasuk kita yang berada di Nusantara.

Perjuangan mempertahankan Masjid al-Aqsa masih panjang. Palestin memerlukan doa, sokongan, sumbangan serta solidariti yang berterusan daripada kita.

Jadikanlah Palestin sebagai sebahagian daripada jiwa dan raga kita. Setiap kali ia dilukai, pasti sakitnya turut kita rasa.

Perkara ini bertepatan dengan hadis daripada An-Nu'man bin Basyir r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, "Kamu melihat orang-orang yang berkasih-sayang, hubungan cinta mereka dan saling berbuat baik sesama mereka adalah seperti satu tubuh. Apabila ada bahagian tubuh yang berasa sakit, maka bahagian tubuh yang lain ikut tidak boleh tidur dan merasa demam." (Riwayat al-Bukhari).

